

Seminar Pascasiswazah 2010

Pada 29 – 30 Jun 2010 Seminar Pascasiswazah SST 2010 telah dilangsungkan dengan jayanya. Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Yg. Bhg. Prof. Dr. Amran Ahmed, Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa, UMS di Bilik Kuliah 2, SST. Seminar ini merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Sekolah Sains dan Teknologi, UMS dengan kerjasama Pusat Pengajian Pasca Siswazah UMS. Tujuannya ialah untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar Pascasiswazah SST di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah untuk

membentangkan kertas cadangan dan hasil penyelidikan mereka. Sebanyak 23 kertas cadangan dan 27 hasil penyelidikan telah dibentangkan sepanjang tempoh 2 hari seminar ini yang mana diadakan di Bilik Mesyuarat Eksekutif dan Bilik Mesyuarat Utama, SST. Komitmen para pensyarah SST dalam menghadirkan diri sebagai panel penilai sesi pembentangan pelajar telah menjadi landasan kepada perbincangan, perkongsian serta pertukaran idea dan hasil penyelidikan dalam kajian sains dan teknologi. Seminar ini sekaligus telah dapat merapatkan hubungan antara pelajar dan pensyarah di SST. Tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa SPSST2010.

Artikel oleh: Farrah Anis F. Adnan